



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PENGAWAS SISTEM (C.3-4 EB 5)
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PENGAWAS SISTEM
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN= SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Sijil Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Pengajian Komputer / Sistem Maklumat atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU


- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kerja Raya dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Ahli Kaji Bumi;
2. Berperanan sebagai *Information Technology (IT) Support* bagi sistem Pusat Kajigempa Kebangsaan apabila dikehendaki;
3. Membantu dalam pemantauan *State of Health (SOH)* bagi rangkaian seismik Negara setiap hari melalui perisian aplikasi *Antares Network Management* dan pemantauan keseluruhan Sistem Pusat Kajigempa Kebangsaan (*NSC*);



4. Mengendalikan penyelenggaraan sistem Pusat Kajigempa Kebangsaan (NSC) secara keseluruhan dari segi *firewall, fire server, response Hydra Red / Blue Software, Antares Network Management, Anthena, Helicorder, file back-up, hardware inventory, wiring, Network Management (internet and local network)* dan sebagainya;
5. Membantu menyediakan perancangan dalam menaiktaraf dan penyelenggaraan sistem Pusat Kajigempa Kebangsaan (NSC) dan menyediakan anggaran awal harga bagi perancangan tersebut;
6. Membantu Ahli Kaji Bumi dalam menyelia Penyelenggaraan Pembedulan dan Pencegahan bagi semua Stesen Seismik (5 Stesen) atau Stesen *Repeater* (2 Stesen) di Negara Brunei Darussalam yang dilakukan oleh Kontraktor, untuk memastikan penyelenggaraan dilakukan mengikut jadual dan semua kecacatan diperbetulkan;
7. Membantu dalam pemantauan kejadian harian Gempa Bumi yang dikesan oleh rangkaian seismik negara dan diproses melalui perisian pemprosesan automatik *Response Hydra*;
8. Membantu dalam penyediaan laporan bulanan *State of Health (SOH)* bagi rangkaian seismik Negara dan sistem Pusat Kajigempa Kebangsaan;
9. Membantu dalam penyediaan Laporan Maklumat Gempa Bumi dan mengedarkan laporan kepada pihak atasan mengikut *Standard Operating Procedure (SOP)* gegaran dan gempa bumi;
10. Membantu dalam penyediaan Laporan Bulanan bagi gempa bumi / gegaran yang dilaporkan dan laporan tahunan statistik, rekod bulanan bagi kejadian gempa bumi, gegaran dan tsunami untuk dihadapkan ke pihak atasan;
11. Membantu Ahli Kaji Bumi dalam pentadbiran kontrak seperti memproses bayaran kemajuan projek, menyediakan permohonan Lanjutan Masa dan Pesanan Perubahan, menyediakan minit ataupun memorandum dan sebagainya;
12. Membantu dalam penyediaan dokumen-dokumen kontrak bagi pelaksanaan projek termasuk reka bentuk, *Bill of Quantities*, spesifikasi dan lukisan (menggunakan *Autocad*);
13. Membantu menyelia projek-projek yang dilaksanakan oleh Ahli Kaji Bumi seperti melawat tapak-tapak projek, membuat laporan mengenai *progress* projek (*% of work done*) mengikut *work programme* dan sebagainya;



14. Membantu memantau kemajuan projek dalam tempoh yang ditetapkan termasuk kewangan dan bekerjasama dengan kontraktor utama projek-projek;
15. Memantau dalam pelaksanaan projek-projek penyelidikan dan kajian risiko seismik dan peta zon seismik bagi Negara Brunei Darussalam dan kajian-kajian yang lain; dan
16. Menjalankan kerja-kerja yang diarahkan oleh Ahli Kaji Bumi apabila diperlukan.